

07 AUG 1998

DR MAHATHIR ADAKAN LAWATAN KERJA SEHARI KE PULAU PINANG

PULAU PINANG, 7 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan mengadakan lawatan kerja sehari ke Pulau Pinang pada Selasa ini (11 Ogos) dengan aturcara lawatan yang agak sibuk.

Ketua Menteri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon ketika mengumumkan lawatan itu pada persidangan berita di pejabatnya hari ini berkata, Dr Mahathir dijangka tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas, di sini pada kira-kira pukul 3 petang bersama isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Aturcara lawatan Dr Mahathir dimulakan dengan perasmian Menara UMNO Negeri di Jalan Macalister pada pukul 3.30 petang dan selepas itu beliau akan bertemu wakil-wakil bahagian UMNO sebelum menghadiri jamuan malam bersama-sama anggota Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.

Pada pukul 8.30 malam, Perdana Menteri berserta isteri, Timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan isteri serta para pemimpin negeri dan rakyat akan menghadiri majlis pemimpin bersama rakyat di stadium tertutup Arena Sukan Antarabangsa Pulau Pinang (PISA) di Relau.

Koh berkata, sebanyak 13,000 tempat duduk disediakan untuk orang ramai mendengar amanat Perdana Menteri dan tempat meletak kereta secara percuma disediakan di kawasan PISA dari pukul 6 petang hingga pukul 11 malam. Orang ramai diminta datang awal bagi mengelakkan kesesakan lalu lintas.

Perdana Menteri dijadualkan pulang ke Kuala Lumpur pada kira-kira pukul 10.30 malam dan akan kembali semula ke negeri ini pada 30 Ogos bagi acara sambutan Hari Kebangsaan yang ke-41.

-- BERNAMA

ZU PR